

19 JUL 2000

PERDANA MENTERI MELAWAT SEHARI KE MELAKA OGOS INI

MELAKA, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Melaka pada 3 Ogos.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam berkata Perdana Menteri dijadual mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) negeri di sebuah hotel di Ayer Keroh di sini sejurus tiba pada pukul 9.30 pagi.

Beliau kemudian akan berlepas ke Selandar, kira-kira 45 km dari sini untuk merasmikan Taman Pengeluaran Makanan Selandar sebelum menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir dijadual merasmikan bangunan ibu pejabat Umno negeri, Graha Umno di Jalan Munsyi Abdullah dan kemudian melawat Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Melaka di bangunan itu sebelum berlepas pulang, katanya.

-- BERNAMA

MOZ RON